

19 APR 1996

Muhammad - Melayu

MATLAMAT AKHIR SMA IALAH PENGUASAAN MAKLUMAT

SHAH ALAM, 19 April (Bernama) -- Matlamat akhir jaringan Melayu sedunia melalui Sekretariat Melayu Antarabangsa yang dilancarkan hari ini ialah penguasaan maklumat yang akan membolehkan orang Melayu di merata dunia memanfaatkannya, kata Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Katanya, maklumat ialah senjata di zaman moden dan orang yang menguasai maklumat akan dapat mendahului orang lain memanfaatkan pelbagai peluang termasuk di bidang ekonomi.

"Jika kita tahu apa yang orang lain akan buat esok, dengan maklumat itu kita dapat mengatur tindakan dengan bijak hari ini," katanya pada persidangan berita selepas melancarkan Sekretariat Melayu Antarabangsa di sini, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, matlamat akhir itu bukanlah dapat dicapai dalam sekelip mata melalui jaringan Melayu sedunia yang diwujudkan, sebaliknya akan memakan masa untuk menampakkan hasilnya.

Perkongsian maklumat dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, sosio-budaya dan pendidikan itu hanya akan dapat dicapai setelah perhubungan antara orang Melayu, yang kini muncul dalam kelompok budaya tempatan di negara masing-masing, mencapai tahap akrab dan saling meyakini, katanya.

"Ini dapat dicapai setelah orang Melayu di satu tempat sudah boleh menghubungi orang Melayu di pelosok lain dunia dan berbincang melalui telefon dengan keyakinan...setelah mereka lama kenal dengan akrab," katanya, sambil menambah bahawa sekretariat itu hanyalah langkah pertama ke arah itu.

Beliau berkata Gabungan Penulis Nasional (Gapena) sudah lebih 15 tahun merintis hubungan dengan orang Melayu di serata dunia dalam bidang kebudayaan dan melalui sekretariat itu akan memperkukuhkan lagi usaha itu meliputi bidang-bidang lain.

Katanya, sekretariat itu ditubuhkan sebagai sebuah yayasan yang mendapat bantuan daripada orang-orang Melayu yang komited untuk bersama-sama berusaha mengangkat martabat bangsa Melayu seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika berucap, beliau berkata sekretariat itu mempunyai dua cita-cita besar iaitu menjalin hubungan antara Melayu di seluruh dunia ke arah kerjasama dalam bidang kebudayaan, ekonomi, perdagangan dan profesional, dan untuk menyatukan bangsa Melayu.

Ini akan dilakukan melalui fungsi-fungsi sekretariat itu untuk menyelaraskan pemindahan dan pertukaran kepakaran yang ada pada pelbagai kelompok Melayu untuk dimanfaatkan kelompok Melayu yang lain; sekretariat menyelaraskan kegiatan berkaitan bahasa dan budaya dan menyebarkannya.

Muhammad berkata bangsa sejangat yang lain seperti Inggeris, Cina, Jepun dan India telah lama mengadakan perikatan strategik dan orang Melayu termasuk yang dianggarkan 10 juta orang di negara-negara lain di luar Nusantara juga boleh berbuat demikian.

"Kekuatan orang Melayu tidak kira di mana berada akan disinergikan menjadi kerjasama yang lebih bermakna dengan memanfaatkan teknologi komunikasi moden bagi membentuk jaringan Melayu sejangat untuk menghadapi abad ke-21," katanya.

Sempena pelancaran itu dipentaskan sebuah pentomim yang mengisahkan bagaimana seorang Melayu Panglima Awang atau Henry The Black yang mengiringi dan menjayakan pelayaran Ferdinand Magellan mengelilingi dunia

dengan kapal Victoria 500 tahun yang lalu.

Simposium Jaringan Melayu Antarabangsa diadakan petang ini mengenai jaringan kebudayaan, perdagangan dan profesional yang disertai lebih 200 tokoh Melayu dari serata dunia termasuk Britain, Afrika Selatan, Filipina, Thailand, Singapura, Brunei, Indonesia, Madagascar, Sri Lanka dan Malaysia.

Majlis pelancaran sekretariat itu turut disiarkan secara langsung oleh Saluran Emas Televisyen Malaysia melalui lintas langsung program Selamat Pagi Malaysia. -- Bernama.

MNY OBA.